

# RM3 juta bina kilang ais di Kompleks LKIM

UM 27/9/2014 Pg 36

**BESUT:** Lebih 800 nelayan di daerah ini lega masalah bekalan ais kurang di Kompleks Lembaa Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Besut bakal diatasi dengan pembinaan sebuah kilang ais baharu di sini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Besut, Tengku Harun Tengku Ismail berkata, bekalan ais yang secukupnya diperlukan nelayan bagi menjamin kesegaran ikan tangkapan.

Menurutnya, kilang ais baharu berharga RM3 juta itu berkapasiti 50 tan metrik itu mampu menghasilkan 374 blok ais sehari.

Katanya, pembinaan kilang ais tersebut merupakan tambahan kepada kilang ais sedia ada berkapasiti 53 tan metrik dan mampu menghasilkan 390 blok ais sehari yang beroperasi sejak tahun 2014.

"Pembinaan kilang ais baharu ini bagi mengatasi rungutan



**KILANG** ais lama yang beroperasi untuk menampung keperluan bekalan ais kepada nelayan di Kompleks LKIM Kuala Besut, Besut. - UTUSAN/ZAID MOHD. NOOR

nelayan tempatan sebelum ini yang tidak mendapat bekalan ais mencukupi sehingga menj-

jaskan kadar pendaratan ikan di daerah ini.

"Selain itu, pemberong ikan

jugak tidak akan berhadapan masalah kekurangan ais bagi pembungkusan hasil tangkapan laut untuk eksport," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil merasmikan majlis pecah tanah kilang ais baharu di Kompleks LKIM Kuala Besut di sini.

Tengku Harun berkata, pihaknya difahamkan pembinaan kilang ais baharu itu dijangka siap dan boleh beroperasi pada tahun depan.

Malah, katanya, pengeluaran ais di kilang baharu dan lama itu menjadikan PNK Besut bakal memiliki kilang ais untuk nelayan terbesar dan termoden di negara ini.

"Kilang ais baharu itu akan menggunakan teknologi mesin ais blok penyejukan secara langsung yang bukan sahaja termoden malah lebih menjimatkan kos," ujarnya.